

**PROGRAM BICARA ILMU BERSAMA MENTERI DI JABATAN PERDANA  
MENTERI (EKONOMI) : PERANAN KOMUNIKASI MODEN DALAM  
KERAJAAN**

---

**UCAPAN YBHG DATUK SAIFUL ANUAR BIN LEBAI HUSSEN  
KETUA PENGARAH UNIT PERANCANG EKONOMI, JABATAN PERDANA  
MENTERI**

**YBhg. Datuk-Datuk Timbalan Ketua Pengarah**

Pengarah-Pengarah Bahagian

YBrs. Encik Amir Fareed Rahim

Pengarah Strategi KRA Malaysia Sdn.Bhd. sebagai penceramah  
jemputan bagi program pada hari ini.

Seterusnya, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamua'laikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat  
Sejahtera.

Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi  
kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan izin dan limpah  
kurnia-Nya dapat kita berhimpun pada hari ini.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada warga EPU yang menyambut perayaan tersebut. Seperti yang diketahui, gelombang Omicron sedang melanda seluruh dunia, termasuk negara kita. Justeru itu, saya menyeru warga EPU untuk mengambil langkah-langkah pencegahan sewajarnya bagi mengurangkan penularan virus Covid-19. Jadilah rakyat yang bertanggungjawab. Diharapkan agar semua warga EPU untuk terus kekal mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh KKM.

Pada era digitalisasi ini, komunikasi memainkan peranan penting dalam sesebuah organisasi. Ia merupakan salah satu medium untuk mendapatkan maklumat dengan lebih pantas yang boleh diakses di hujung jari sahaja.

Dalam era digitalisasi ini juga, EPU turut tidak terkecuali dalam menyampaikan maklumat, program aktiviti dan fakta melalui platform media sosial seperti Facebook, Instagram, Twitter dan Youtube rasmi EPU. Disini saya menyeru warga EPU untuk samasama *like*, *share* dan *follow* laman rasmi media sosial EPU agar maklumat yang diterbitkan akan tersebar luas dan mendapat perhatian rakyat Malaysia.

EPU juga telah membentangkan beberapa dasar negara seperti seperti Dasar 4IR, MyDIGITAL dan juga RMKe-12. Sehubungan itu, seluruh warga EPU berperanan untuk berkongsi maklumat-maklumat ini dengan seluruh rakyat Malaysia agar

masyarakat di luar sana tahu peranan dan fungsi EPU sebenarnya dan *visibility* EPU dapat diperluaskan.

**YB Dato' Sri, Datuk-Datuk, Tuan-Tuan dan puan-puan sekalian,**

**ISU SEMASA**

Dengan situasi ekonomi sekarang, rakyat memerlukan maklumat-maklumat tepat dan sahih tentang ekonomi negara kita. Sehubungan dengan itu, EPU perlu menerbitkan lebih banyak ciapan, artikel-artikel dan rencana tentang apa yang berlaku dan peranan EPU untuk Malaysia di semua platform media seperti di media sosial dan media arus perdana.

Namun, dalam kegairahan kita berkongsi maklumat di media sosial, kita harus memastikan kesahihan sesuatu maklumat. Kita perlu berhati-hati untuk tidak berkongsi maklumat-maklumat di media sosial ataupun whatsapp bagi mengelakkan kebocoran maklumat tersebut. Etika penggunaan media sosial perlu dititikberatkan bagi mengelakkan sebarang salah guna maklumat. Sehubungan dengan itu, warga EPU hendaklah berhati-hati dalam berkongsi maklumat ataupun ciapan di laman media sosial masing-masing.

Warga EPU juga perlu prihatin bagi membantu memberikan penjelasan dan berkongsi pengetahuan bagi menguraikan permasalahan yang timbul membabitkan EPU. Penjelasan dan

penerangan yang tepat kepada masyarakat umum sangat penting bagi mengelakkan salah taksir sesuatu maklumat.

Arahan atau hebahan perlulah diketengahkan dengan maklumat yang jelas supaya orang mudah faham dan menerima dengan terbuka. Maklumat yang tidak jelas boleh mengundang salah faham masyarakat umum kerana mesej yang tidak difahami dengan jelas, pastinya akan mengganggu perjalanan operasi dan ini akan menggagalkan pencapaian matlamat EPU.

Pada era yang serba moden ini, hebahan yang disediakan perlu disampaikan dalam bentuk yang mudah dan ringkas. Bagi memudahkan dan menarik perhatian, penggunaan video-video pendek dan infografik-infografik yang menarik dapat membantu menyebarkan maklumat kepada umum.. Saya mencadangkan agar kita menyampaikan maklumat secara lebih kreatif. Jikalau ada pandangan yang ingin dikongsi, bolehlah kemukakan cadangan kepada pihak pengurusan supaya kita bersama-sama dapat ketengahkan demi kebaikan EPU.

## **CABARAN**

Setiap kebaikan, sudah tentu ada cabaran yang bakal dihadapi. Salah satu cabaran dalam komunikasi moden ialah, penyebaran berita palsu dalam kalangan rakyat Malaysia. Sebagai contoh, bantuan banjir untuk penduduk Sri Muda yang dikhabarkan tidak diberikan oleh pihak kerajaan sedangkan, kita telah menghantar bantuan sejak hari pertama banjir melanda. Sebagai penjawat awam, kita mesti bertanggungjawab untuk menyampaikan dan

menggunakan sosial media peribadi kepada kerajaan amnya dan EPU khususnya.

Selain itu, komunikasi moden juga mempunyai kekangan dalam menghalang berita palsu daripada tersebar luas di Internet. Kadangkala, ada berita yang tidak benar telah menimbulkan spekulasi awam yang telah memburukkan nama baik kerajaan.

Ini merupakan cabaran yang agak sukar hendak ditangani kerana kebanyakan masyarakat Malaysia khususnya belia amat mudah terpengaruh dengan perkara yang tidak benar, tanpa asal usul periksa. “Tak pasti, jangan kongsi” ialah satu kata-kata yang perlu warga EPU pegang untuk mengelakkan sebarang masalah komunikasi kelak.

## **PENUTUP**

**Datuk-Datuk serta Tuan-tuan dan Puan-puan,**

Dalam persekitaran jaringan komunikasi digital masa kini, komunikasi moden dapat memberikan maklumat dengan mudah. Namun, ia turut mempunyai cabaran dan keburukan yang boleh kita kekang bersama. Sekali lagi saya ingin menekankan, agar semua warga EPU dapat memberikan sokongan kepada media sosial EPU

melalui Facebook, Twitter dan juga Instagram. Medium-medium ini dapat menyediakan maklumat tentang EPU yang boleh diakses diujung jari.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir pada hari ini dan yang menjayakan program Bicara Ilmu bersama YB Dato' Sri Menteri pada kali ini. Semoga usaha kita mendapat keberkatan Allah SWT juga.

Sekian, saya sudahi dengan Wabillahi taufiq wal hidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.